

Jambatan tiada penghalang

Penduduk bimbang keselamatan terutama pada waktu malam

Oleh Nor Adila Ab Kadir

bhnews@bharian.com.my

● NOR ADILA AB KADIR | BERITA HARIAN

SEREMBAN: Ketiadaan penghadang di jambatan menuju ke Masjid India Muslim di Jalan Ulu Temiang dekat sini, menyebabkan penduduk sekitar yang melalui jambatan itu, terutama pada waktu malam berdepan risiko terjatuh ke dalam sungai.

Lebih membimbangkan, jambatan yang menjadi laluan penduduk sekitar ke jalan utama hanya boleh dilalui sebuah kenderaan pada satu masa.

Penduduk, Aladin Satardin, 56, mendakwa sudah beberapa kali aduan dibuat kepada Majlis Perbandaran Seremban (MPS), namun hingga kini masih tiada sebarang tindakan diambil untuk memasang penghadang pada jambatan itu.

Katanya, keadaan ini menyebabkan penduduk bimbang keselamatan anak-anak yang bermain basikal di kawasan itu kerana mungkin terjatuh jika tidak berhati-hati.

“Saya harap pemasangan penghadang di jambatan yang menjadi laluan utama penduduk di sini dapat dipercepatkan bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku,” katanya.

Penduduk Taman Temiang Jaya, Iskandar Abdullah, 30, pula bimbang keselamatan jemaah setiap kali menggunakan jambatan itu untuk ke masjid, terutama pada waktu malam.

Katanya, penduduk dari kawasan tempat tinggalnya sering menunai-



KETIADAAN besi penghadang jambatan di laluan ke Masjid India Muslim Jalan Ulu Temiang, boleh mengancam keselamatan pengguna.



Saya harap pemasangan penghadang di jambatan yang menjadi laluan utama penduduk di sini dapat dipercepatkan bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku **99**

Aladin Satardin
Penduduk

kan solat di masjid itu dan agak menggerunkan apabila memandu kereta melalui jambatan sempit tidak berpenghadang itu.

“Bulan lalu, ada jemaah terbabas masuk dalam sungai ketika hendak ke masjid. Mujur ketika itu, air sungai tidak dalam dan jika tidak, sudah tentu dihanyutkan arus deras.

“Sebelum lebih banyak kemalangan berlaku, lebih baik langkah pencegahan diambil dengan memasang penghadang,” katanya

yang turut mahu Sungai Temiang diselenggara dengan baik bagi mengelak banjir kilat.

Iskandar berkata, air sungai akan lebat hingga menenggelami jambatan dan melimpahi kawasan masjid serta rumah penduduk sekitar.

Beliau mendakwa, kejadian banjir kilat tahun lalu menyebabkan penduduk menanggung kerugian akibat kerosakan peralatan rumah yang ditenggelami air.